

# **BAHAGIAN 1**

## **PANDUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

# BAHAGIAN 1

## PANDUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

### 1. CARA MEMOHON

- 1.1 Permohonan hendaklah melalui Laman Web : [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
- 1.2 Segala maklumat dan keterangan mengenai pendaftaran syarikat di Kementerian Kewangan Malaysia terkandung di dalam Laman Web tersebut.

### 2. BAYARAN YANG DIKENAKAN

- 2.1 Kadar bayaran yang dikenakan adalah RM310.00 bagi Pendaftaran Baru, Pendaftaran Semula dan Pembaharuan.
- 2.2 Bagi Pendaftaran Tambah Bidang dan Taraf Bumiputera tiada bayaran dikenakan.
- 2.3 Pembayaran boleh dibuat sama ada :
  - 2.3.1 dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos/Draf Bank dan Cek dan hendaklah dibuat atas nama **COMMERCE DOT COM SDN. BHD.** serta dipalang "TIDAK BOLEH DINIAGAKAN" atau "A/C Payee Only".
  - 2.3.2 melalui pos atau datang sendiri ke alamat berikut : -

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Kaunter ePerolehan,  
Aras Bawah, Blok Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**

Tel : 03-88823000

**atau**

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.,  
Tingkat Bawah, Blok Enggang,  
Kompleks Pejabat & Villa,  
Cyberview Gardens,  
**63000 CYBERJAYA.**

Tel: 03-83122525

- 2.3.3 Bagi pembayaran yang menggunakan cek luar kawasan, tuan/puan dikehendaki menambah jumlah bayaran dengan mengambil kira bayaran komisyen sebanyak 0.03% daripada jumlah bayaran atau RM0.50 yang mana lebih tinggi.
- 2.3.4 Untuk Pembayaran Kredit Terus dengan cek atau tunai sila pastikan:-
- i). Bayaran dibuat di cawangan Malayan Banking Bhd. (Maybank) kepada akaun **562142800978**.
  - ii) Nombor Pendaftaran Kementerian Kewangan (contoh : 357-xxxxxxx) dan Nama Syarikat dicatatkan di ruang keterangan urusan di slip deposit Maybank.
- 2.4 Sila pastikan sesalinan surat kelulusan disertakan semasa bayaran dibuat.
- 2.5 Bayaran hendaklah dibuat selepas menerima surat kelulusan. Pihak Kementerian tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan draf bank, wang pos dan sebagainya yang dikemukakan bersama borang permohonan.
- 2.6 Kementerian Kewangan akan menyediakan Sijil Akuan Pendaftaran selepas bayaran pendaftaran dijelaskan. Sijil akan dihantar terus melalui pos laju setelah disiapkan.

### **3. SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAFTAR**

- 3.1 Syarikat hendaklah mempunyai modal terkumpul/berbayar seperti berikut:-
- 3.1.1 tidak kurang dari RM2,500 bagi bidang biasa.
  - 3.1.2 tidak kurang dari RM10,000 hingga RM100,000 bagi bidang khas (sila rujuk syarat-syarat pendaftaran bagi bidang khas).
  - 3.1.3 Tidak kurang dari RM10,000 bagi bidang pembuat.
- 3.2 Bagi bidang biasa syarikat boleh beroperasi di pejabat atau rumah kediaman.
- 3.3 Syarikat hendaklah mempunyai akaun semasa bank.
- 3.4 Bagi syarikat perseorangan/perkongsian, bidang-bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan jenis perniagaan yang dinyatakan dalam Borang B, Unit Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 3.5 Syarikat juga dikehendaki memiliki lesen-lesen yang sah bagi sesuatu bidang yang hendak didaftarkan mengikut peruntukan undang-undang seperti di **Lampiran 1**.

#### **4. SYARAT PENDAFTARAN BIDANG KHAS**

Semua Bidang Khas akan dilawat. Syarikat hendaklah mengemukakan penyata caruman KWSP dan peta menuju ke premis. Bagi bidang khas ini syarikat tidak dibenarkan beroperasi di rumah kediaman.

##### **4.1 Bidang Percetakan – 221001 hingga 221013**

- 4.1.1 Modal berbayar/terkumpul RM10,000.00.
- 4.1.2 Penguasaan syarikat 100% Bumiputera.
- 4.1.3 Lesen percetakan dari KDN.
- 4.1.4 Surat kelulusan Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan bagi bidang 221009.

##### **4.2 Pemilik Kapal – 221101**

- 4.2.1 Modal berbayar/terkumpul RM50,000.00.
- 4.2.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.2.3 Certificate Of Malaysian Registry.

##### **4.3 Broker Perkapalan – 221102**

- 4.3.1 Modal berbayar/terkumpul RM50,000.00.
- 4.3.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.3.3 Surat Perlantikan daripada Syarikat Perkapalan.

##### **4.4 Ajen Perkapalan – 221103**

- 4.4.1 Modal berbayar/terkumpul RM50,000.00.
- 4.4.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.4.3 Surat Perlantikan daripada Jabatan Kastam.

##### **4.5 Pengangkutan Lori – 221104**

- 4.5.1 Modal berbayar/terkumpul RM30,000.00.
- 4.5.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.5.3 Geran dan Permit Lori.
- 4.5.4 Memiliki lori sendiri.

##### **4.6 Ajen Penghantaran – 221105**

- 4.6.1 Modal berbayar/terkumpul RM30,000.00.
- 4.6.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.6.3 Surat Perlantikan daripada Jabatan Kastam.

##### **4.7 Pembungkusan – 221106**

- 4.7.1 Modal berbayar/terkumpul RM30,000.00.
- 4.7.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.7.3 Mempunyai stor/warehouse.

**4.8 Syarikat Insurans – 221201**

- 4.8.1 Modal berbayar/terkumpul RM100,000.00.
- 4.8.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.8.3 Lesen daripada Bank Negara Malaysia.

**4.9 Broker Insurans – 221202**

- 4.9.1 Modal berbayar/terkumpul RM100,000.00.
- 4.9.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.9.3 Lesen daripada Bank Negara Malaysia.

**4.10 Stevedor – 221604**

- 4.10.1 Modal berbayar/terkumpul RM30,000.00.
- 4.10.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.10.3 Senarai pekerja.

**4.11 Telly Clerk – 221605**

- 4.11.1 Modal berbayar/terkumpul RM30,000.00.
- 4.11.2 Penguasaan syarikat sekurang-kurangnya 51% Bumiputera.
- 4.11.3 Mempunyai Telly Clerk yang berpengalaman.

**4.12 Agen Pengembaraan – 221107**

- 4.12.1 Modal berbayar/terkumpul RM100,000.00.
- 4.12.2 Penguasaan syarikat 100% Bumiputera.
- 4.12.3 Lesen daripada Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia (TDC).

**4.13 Bengkel – 220116 hingga 220123**

- 4.13.1 Modal berbayar/terkumpul RM10,000.00.
- 4.13.2 Polisi insuran perlindungan kenderaan pelanggan.
- 4.13.3 Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

**4.14 Limbungan – 220107**

- 4.14.1 Modal berbayar / terkumpul RM 10,000.00.
- 4.14.2 Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- 4.14.3 Polisi Insuran Perlindungan Bot/Kapal pelanggan.

**4.15 Pembuat Bot/Kapal – 190299 (P)**

- 4.15.1 Modal berbayar / terkumpul RM 10,000.00.
- 4.15.2 Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- 4.15.3 Polisi Insuran Perlindungan Bot/Kapal pelanggan.

- 4.15.4 Mempunyai Limbungan Milik Sendiri.
- 4.15.5 Mempunyai Shipway/Launch-way.
- 4.15.6 Mempunyai peralatan:-
  - Lathe Machine, Welding Machine, Grinding Machine, Shaping Machine, Drilling Machine, Cutting Machine, Bending Machine.
- 4.15.7 Bilik Hawa Dingin (untuk buat GRP).
- 4.15.8 Syarikat juga mestilah mempunyai kakitangan yang berkelayakan:-
  - Marine Engineer.
  - Pekerja mahir/berpengalaman dalam bidang berkenaan.
  - Welding Specialist (with bot alluminium).

## 5. SYARAT PENDAFTARAN BIDANG PEMBUAT

Syarat pendaftaran dalam bidang Pembuat dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah:-

- 5.1 Modal Berbayar/Terkumpul RM10,000.00.
- 5.2 Surat perjanjian Sewa Premis/Dokumen hak milik (jika milik sendiri).
- 5.3 Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- 5.4 Penyata caruman KWSP terkini.
- 5.5 Peta lakar ke premis.

## 6 SYARAT PENDAFTARAN BIDANG KOMPUTER

- 6.1 Syarikat yang berstatus MSC layak berdaftar dengan mengemukakan sijil MSC daripada MDC.
- 6.2 Syarikat yang tidak berstatus MSC perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

KOD PENDAFTARAN	TAJUK	KELAYAKAN DIPERLUKAN
210101	PC'S Related Peripherals & Services	A dan B
210102	Small to large multi User System & Services	A,B,C dan D
210103	Work Stations and Related Peripherals and Services	A,B,C dan D
210104	Software Products and Services	B atau C
210105	Other Computer Related Services	A atau B atau C atau D
210106	Networking Product & Services	A dan B

## KELAYAKAN UNTUK BERDAFTAR BIDANG KOMPUTER DI KEMENTERIAN KEWANGAN

- A) Hardware Engineer - B.Sc Electric/Electronic atau setaraf.
- B) Software Engineer - B.Sc Computer atau setaraf.
- C)
  - i) System Analyst - B.Sc Computer atau setaraf.
  - ii) Programmer - Dip. Computer Sc. atau setaraf.
  - iii) Data Base - B.Sc Computer atau setaraf.
- D)
  - i) Networking Analyst - B.Sc Computer atau setaraf.
  - ii) Jurutera - B.Sc Electric/Electronic atau setaraf.
  - iii) Implementors - pengalaman bidang komputer.

**7. DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN**

**7.1 Syarikat Yang Berdaftar dengan Unit Syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

Permohonan Pendaftaran Bidang Biasa bagi syarikat yang berdaftar dengan Unit Syarikat SSM.

- 7.1.1 Borang 24 – Pemilik Saham (yang disahkan oleh SSM/Setiausaha Syarikat).
- 7.1.2 Borang 49 – Lembaga Pengarah (yang disahkan oleh SMM/Setiausaha Syarikat).
- 7.1.3 Borang 32A (jika berkenaan) – Pindah Milik Saham.
- 7.1.4 Form Of Annual Return (jika syarikat yang melebihi 1 tahun) yang disahkan oleh SSM/Setiausaha Syarikat.
- 7.1.5 Penyata Bank.
- 7.1.6 Resolusi Lembaga Pengarah mengenai kuasa tandatangan cek bagi akaun syarikat yang disahkan oleh bank.

**7.2 Syarikat Yang Berdaftar dengan Unit Perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

Permohonan pendaftaran bidang biasa bagi syarikat yang berdaftar dengan Unit Perniagaan SSM:-

- 7.2.1 Borang A atau B.
- 7.2.2 Borang D.
- 7.2.3 Pengesahan tandatangan cek, yang disahkan oleh Bank.
- 7.2.4 Penyata Bank.
- 7.2.5 Bidang-bidang yang dipohon mesti berdaftar jenis perniagaannya di SSM.

**7.3 Syarikat Yang Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS)**

Permohonan pendaftaran bidang biasa bagi syarikat yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan.

- 7.3.1 Undang-undang tubuh.
- 7.3.2 Minit AGM/EGM terkini.
- 7.3.3 Pengesahan tandatangan cek bagi akaun yang disahkan oleh Bank.
- 7.3.4 Penyata Bank.

## 8. JENIS PENDAFTARAN

- 8.1 **Permohonan Baru** adalah permohonan kali pertama bagi syarikat-syarikat yang belum pernah berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Syarikat hanya dibenarkan memohon tidak lebih 10 bidang bagi permohonan baru.
- 8.2 **Permohonan Pembaharuan** adalah permohonan yang dibuat bagi menyambung tempoh pendaftaran. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran semasa.
- 8.3 **Permohonan Daftar Semula** adalah permohonan yang dikemukakan atau diterima oleh Kementerian ini selepas tamat tempoh pendaftaran semasa. Syarikat diberi tempoh sehingga tiga (3) bulan selepas tarikh tamat bagi membolehkan kontraktor mendapat semula bidang-bidang yang telah didaftarkan. Jika permohonan dihantar selepas itu, bidang-bidang tersebut akan ditarikbalik secara automatik melalui sistem dan syarikat hanya boleh memohon 10 bidang sahaja.
- 8.4 **Permohonan Tambah Bidang** adalah permohonan untuk menambah bidang-bidang perniagaan yang telah didaftarkan bagi syarikat-syarikat yang pendaftarannya telah pun diluluskan. Tambahan bidang tidak akan dipertimbangkan jika dibuat dalam tempoh pembaharuan iaitu tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran semasa. Tambahan bidang hanya dibenarkan **lima (5) bidang** sahaja. Tambahan bidang juga boleh dimohon ketika membuat **permohonan pembaharuan**.
- 8.5 **Permohonan Taraf Bumiputera** adalah permohonan untuk syarikat mendapatkan pengiktirafan taraf Bumiputera. Permohonan pengiktirafan taraf Bumiputera hendaklah dikemukakan selepas pembayaran kelulusan pendaftaran dibuat. Bagi syarikat-syarikat yang memohon bidang-bidang perkhidmatan seperti Percetakan, Agen Pengembaraan, Pengangkutan Lori, Syarikat Insuran, Broker Insuran, Pemilik Kapal, Broker Perkapalan, Agen Perkapalan, Agen Penghantaran, Pembungkusan, Stevedor dan Telly Clerk juga diwajibkan mendapat pengiktirafan taraf Bumiputera.
- 8.6 **Permintaan Kemaskini Profail** boleh dipohon jika terdapat perubahan dalam maklumat syarikat seperti pertukaran alamat, pembaharuan pemilikan ekuiti, Lembaga Pengarah, pengurusan syarikat dan penambahan staf syarikat.

## 9. DASAR PENDAFTARAN

- 9.1 Semua syarikat yang diperbadankan di Malaysia layak berdaftar. Status pendaftaran dikategorikan seperti berikut:-

### 9.1.1 Daftar

Syarikat ini merupakan syarikat yang dipunyai samada oleh warganegara Malaysia atau asing.

### 9.1.2 Daftar Bertaraf Bumiputera (51%)

Syarikat ini merupakan syarikat yang dipunyai oleh warganegara Malaysia atau asing. Pemilikan saham, Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan adalah dikuasai sekurang-kurangnya 51% oleh Bumiputera.



### 9.1.3 Daftar Bumiputera (100%)

Syarikat yang dimiliki oleh warganegara Malaysia. Pemilikan saham, Lembaga Pengarah dan pengurusan adalah dikuasai 100% Bumiputera. Bagi bidang percetakan dan agen pengembaraan pekerja hendaklah tidak kurang 80% Bumiputera.

9.2 Pemberian taraf Bumiputera merupakan satu **keistimewaan** sahaja dan bukannya hak. Ianya boleh ditarikbalik pada bila-bila masa jika terdapat perubahan atau keraguan ke atas sesebuah syarikat.

## 10. PERINGATAN

- 10.1 Kegagalan syarikat mengemukakan dokumen-dokumen yang diminta di **para 7** mengakibatkan permohonan syarikat **DITOLAK**.
- 10.2 Semua maklumat dan dokumen yang diberi hendaklah betul dan benar. Jika terdapat pemalsuan maklumat atau dokumen, permohonan pendaftaran akan ditolak atau dibatalkan jika kelulusan telah diberi.
- 10.3 Kementerian Kewangan berhak menyemak maklumat dan dokumen syarikat bagi memastikan ianya adalah betul.
- 10.4 Dalam urusan perolehan, pakatan harga adalah dilarang sama sekali. Oleh yang demikian sebarang keadaan atau kemungkinan yang mana pada pandangan Kementerian ini boleh membawa/mengakibatkan pendaftaran sesuatu syarikat di Kementerian ini ditolak, antaranya:-
  - 10.4.1 Syarikat Bersekutu pegangan, induk dan anak syarikat tidak boleh berdaftar dibawah bidang/sub-bidang yang sama.
  - 10.4.2 Seorang pemilik modal yang sama dalam dua atau lebih syarikat tidak akan didaftarkan dalam bidang yang sama. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pemohon menjelaskan/mengisytiharkan pemilikan modal mereka di dalam syarikat lain. Jika gagal nama beliau akan disenaraihitamkan dan semua syarikat beliau yang ada kepentingannya akan disemak semula pendaftarannya.
  - 10.4.3 Dua atau lebih syarikat yang mempunyai pemilik, pengarah, pengurusan yang sama tidak boleh berdaftar dalam bidang yang sama.
- 10.5 Syarikat hanya dibenarkan memohon tidak lebih dari 10 bidang bagi permohonan baru. Bagi permohonan pembaharuan, setiap tambahan bidang hanya dihadkan kepada 5 bidang sahaja dan tidak melebihi 63 bidang kesemuanya.
- 10.6 Surat kelulusan dan sijil pendaftaran akan dihantar secara pos.
- 10.7 Surat kebenaran untuk menyertai sesuatu tender/sebutharga **tidak dikeluarkan**. Tender/sebutharga hanya boleh disertai oleh syarikat-syarikat yang telah berdaftar sahaja.

- 10.8 **Kehilangan Sijil Pendaftaran.** Salinan laporan polis hendaklah disertakan bagi mendapatkan sijil pendaftaran ganti. Sijil ganti akan dikeluarkan selepas penyiasatan dalam tempoh 3 bulan.

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Kaunter ePerolehan,  
Aras Bawah, Blok Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA.**

atau

Tel. : **03-88823000**

## LAMPIRAN 1

### **LESEN (LESEN BERKAITAN) YANG DIPERLUKAN BAGI MAKSUD PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI KEMENTERIAN KEWANGAN**

- 1. Bahan Farmasi – 090201 dan 090202**
  - 1.1 Lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan.
- 2. Kawalan Keselamatan – 220302**
  - 2.1 Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri.
- 3. Filem Telah Siap – 060200**
  - 3.1 Lesen daripada FINAS.
- 4. Perfileman – 220701**
  - 4.1 Lesen daripada FINAS.
- 5. Barang Lusoh – 221302**
  - 5.1 Permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

## **BAHAGIAN 2**

# **SENARAI KOD BIDANG PENDAFTARAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

## BAHAGIAN 2

### SENARAI KOD BIDANG PENDAFTARAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI KEMENTERIAN KEWANGAN

#### BIDANG, SUB BIDANG DAN PECAHAN SUB BIDANG

##### 01 BAHAN BACAAN DAN ALATULIS

###### 01 Bahan Bacaan

00 - *Bahan Bacaan*

###### 02 Alatulis

01 - *Alatulis (tidak termasuk borang dan kertas komputer)*

02 - *Bahan Surih dan Drafting*

99 - *Pembuat*

##### 02 ALAT KELENGKAPAN PEJABAT DAN KEDIAMAN

###### 01 Perabut dan Kelengkapan

01 - *Perabut*

02 - *Permaidani/Aambar*

99 - *Pembuat*

###### 02 Mesin

01 - *Mesin-mesin Pejabat*

02 - *Mesin-mesin Kediaman*

99 - *Pembuat*

###### 03 Perkakas Elektrik

00 - *Perkakas Elektrik*

99 - *Pembuat*

###### 04 Kelengkapan Dapur

00 - *Kelengkapan Dapur*

99 - *Pembuat*

###### 05 Peralatan Pencuci dan Pembersihan

00 - *Peralatan Pencuci dan Pembersihan*

99 - *Pembuat*

- 06 Bahan-bahan Pembungkusan/Bekas**
- 00 - *Bahan-bahan Pembungkusan/Bekas*  
 99 - *Pembuat*
- 03 PERALATAN CEGAH KEBAKARAN DAN KAWALAN KESELAMATAN**
- 01 Alat dan Sistem Cegah Kebakaran**
- 00 - *Alat dan Sistem Cegah Kebakaran*  
 99 - *Pembuat*
- 02 Pakaian dan Alat Keselamatan**
- 00 - *Pakaian dan Alat Keselamatan*  
 99 - *Pembuat*
- 04 PERALATAN PERHUBUNGAN/KOMUNIKASI**
- 01 Alat-alat Perhubungan/Komunikasi**
- 00 - *Alat Perhubungan*  
 99 - *Pembuat*
- 02 Alat Bantuan Mengajar**
- 00 - *Alat Bantuan Mengajar*  
 99 - *Pembuat*
- 05 KELUARAN JAHITAN**
- 01 Bahan Tekstil**
- 01 - *Bahan Tekstil*  
 02 - *Barang-barang Berjahit (Barang-barang Yang Tidak Lekat di Badan)*  
 99 - *Pembuat*
- 02 Pakaian dan Kelengkapan**
- 00 - *Pakaian dan Kelengkapan*  
 99 - *Pembuat*
- 03 Bahan Tarpaulin dan Canvas**
- 00 - *Bahan Tarpaulin dan Canvas*  
 99 - *Pembuat*

**06 FOTOGRAFI DAN PERALATAN**

**01 Kamera dan Peralatan**

00 - Kamera/Peralatan  
99 - Pembuat

**02 Filem Siap Untuk Tayangan**

00 - Filem Siap untuk Tayangan (perlu Lesen drpd. FINAS)

**07 KELENGKAPAN SUKAN, CENDERAMATA DAN MUZIK**

**01 Kelengkapan Sukan**

00 - Peralatan/Pakaian Sukan  
99 - Pembuat

**02 Cenderamata dan Hadiah**

00 - Cenderamata dan Hadiah  
99 - Pembuat

**03 Alat Muzik**

00 - Alat Muzik  
99 - Pembuat

**08 MAKANAN DAN MINUMAN**

**01 Bahan Minuman**

00 - Bahan Minuman  
99 - Pembuat

**02 Makanan Mentah Basah**

00 - Makanan Mentah Basah

**03 Makanan Mentah Kering**

00 - Makanan Mentah Kering  
99 - Pembuat

**04 Makanan Dalam Tin/Botol/Bungkus**

00 - Makanan dalam Tin/Botol/Bungkus  
99 - Pembuat

**05 Makanan Bermasak**

01 - Makanan Bermasak Islam  
02 - Makanan Bermasak Bukan Islam

**09 PERALATAN HOSPITAL DAN UBAT-UBATAN**

**01 Peralatan/Kelengkapan Perubatan**

00 - *Peralatan/Kelengkapan Perubatan*  
99 - *Pembuat*

**02 Ubat dan Bahan Ubatan**

01 - *Dadah Berjadual (Perlu Lesen Farmasi)*  
02 - *Racun Berjadual (Perlu Lesen Farmasi)*  
03 - *Ubat Tidak Berjadual*  
99 - *Pembuat*

**03 Pekakas Perubatan Pakai Buang**

00 - *Pekakas Perubatan Pakai Buang*  
99 - *Pembuat*

**10 KIMIA DAN PERALATAN MAKMAL**

**01 Kimia**

01 - *Kimia Makmal*  
02 - *Kimia Industri*  
03 - *Kimia Pemproses Air*  
99 - *Pembuat*

**02 Kelengkapan Makmal**

00 - *Kelengkapan Makmal*  
99 - *Pembuat*

**11 BAHAN BAKAR DAN PELINCIR**

**01 Bahan Bakar**

00 - *Bahan Bakar*  
99 - *Pembuat*

**02 Bahan Pelincir**

00 - *Bahan Pelincir*  
99 - *Pembuat*

**12 PERTANIAN DAN TERNAKAN**

**01 Baja dan Racun**

01 - *Baja*  
02 - *Racun Pertanian*  
99 - *Pembuat*



- 02 Tanaman dan Baka Ternakan**
- 01 - *Tanaman/Benih Semaian*  
02 - *Ternakan /Baka Ternakan*
- 03 Peralatan Pertanian dan Ternakan**
- 00 - *Peralatan Pertanian dan Ternakan*  
99 - *Pembuat*
- 04 Makanan/Ubat-ubatan Ternakan**
- 00 - *Makanan/Ubat-ubatan Ternakan*  
99 - *Pembuat*
- 13 KELENGKAPAN/KEMUDAHAN AWAM**
- 01 Kelengkapan/Kemudahan Awam**
- 00 - *Kelengkapan/Kemudahan Awam*  
99 - *Pembuat*
- 14 BAHAN BINAAN DAN PERALATAN KESELAMATAN JALAN RAYA**
- 01 Bahan Binaan**
- 00 - *Bahan Binaan*  
99 - *Pembuat*
- 02 Peralatan Keselamatan Jalan Raya**
- 00 - *Peralatan Keselamatan Jalan Raya*  
99 - *Pembuat*
- 15 PERALATAN SUKATAN/UKURAN**
- 01 Peralatan Sukatan/Ukuran**
- 00 - *Semua Peralatan Sukatan/Ukuran*  
99 - *Pembuat*
- 16 KENDERAAN, JENTERA BERAT DAN KELENGKAPAN**
- 01 Kenderaan**
- 01 - *Basikal*  
02 - *Motosikal*  
03 - *Kereta*  
04 - *Lori*  
05 - *Bas*  
99 - *Pembuat*

- 02 Jentera Berat**
- 00 - *Jentera Berat*  
 99 - *Pembuat*
- 03 Alatganti dan Aksesori Kenderaan/Jentera Berat**
- 01 - *Alatganti/Aksesori Kenderaan*  
 02 - *Ala ganti/Aksesori Jentera Berat*  
 99 - *Pembuat*
- 04 Keretapi, Peralatan dan Alatganti**
- 01 - *Lokomotif*  
 02 - *Peralatan dan Alatganti Keretapi*  
 99 - *Pembuat*
- 17 SENJATA DAN PERALATAN**
- 01 Senjata Api/Peluru**
- 01 - *Senjata Api*  
 02 - *Peluru*  
 99 - *Pembuat*
- 02 Bahan Letupan**
- 00 - *Bahan Letupan*  
 99 - *Pembuat*
- 03 Kelengkapan Sasaran**
- 00 - *Kelengkapan sasaran*  
 99 - *Pembuat*
- 18 MESIN DAN PERALATAN KEJURUTERAAN**
- 01 Mesin dan Kelengkapan Bengkel**
- 00 - *Mesin dan Kelengkapan Bengkel*  
 99 - *Pembuat*
- 02 Peralatan Perindustrian Minyak**
- 00 - *Peralatan Perindustrian Minyak*  
 99 - *Pembuat*
- 03 Mesin dan Kelengkapan Khusus**
- 00 - *Mesin dan Kelengkapan Khusus*  
 99 - *Pembuat*

## 19 PESAWAT UDARA, BOT DAN KAPAL

### 01 Pesawat Udara

- 01 - Pesawat Udara
- 02 - Alatganti dan Kelengkapan Pesawat
- 99 - Pembuat

### 02 Bot dan Kapal

- 01 - Bot
- 02 - Kapal Laut/Kapal Selam
- 03 - Alatganti dan Kelengkapan Bot/kapal
- 99 - Pembuat

### 03 Peralatan Merin

- 00 - Peralatan Merin
- 99 - Pembuat

## 20 PERALATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

### 01 Motor, Alatubah dan Penjanakuasa

- 00 - Motor dan Alatubah/Alatganti
- 99 - Pembuat

### 02 Stesyen Janakuasa Letrik dan Peralatan Generator/Alatganti

- 00 - Stesyen Janakuasa Letrik dan Peralatan Generator/Alatganti
- 99 - Pembuat

### 03 Kabel dan Aksesori/Konduktor

- 00 - Kabel dan Aksesori/Konduktor
- 99 - Pembuat

### 04 Lampu dan Kelengkapan

- 00 - Lampu dan Kelengkapan
- 99 - Pembuat

## 21 PERALATAN/KELENGKAPAN KOMPUTER

### 01 Peralatan dan Kelengkapan Komputer

- \*01 - Personal Computer and Related Peripheral and Services
- \*02 - Small and Large Multi-User Systems and Services
- \*03 - Workstations and Related Peripheral and Services
- \*04 - Software Product and Services
- \*05 - Other Computer Related Services
- \*06 - Networking Products and Services
- \*99 - Pembuat

\*Bidang Komputer - sila rujuk syarat-syarat bidang komputer seperti di m/s 6.

## 22 PERKHIDMATAN

### 01 Penyelenggaraan/Pembaikan Mesin dan Kenderaan

- 01 - *Alat Hawa Dingin (Window/Split)*
- 02 - *Mesin-mesin Pejabat*
- 03 - *Alat Kebombaan/Pemadam Api*
- 04 - *Alat Semboyan dan Perhubungan/Penyiaran*
- 05 - *Alat Kelengkapan Hospital/Makmal*
- 06 - *Alat-alat Merin*
- 07 - *Bot/Kapal (Untuk Limbungan)*
- 08 - *Kontena/Tangki*
- 09 - *Perkakas/Sistem Elektrik*
- 10 - *Mesin dan Peralatan Woksyop*
- 11 - *Peralatan Kawalan Keselamatan*
- 12 - *Sand Blasting dan Mengecat Untuk Kapal*
- 13 - *Mechanisation System (Conveyor Lift dll.)*
- 14 - *Membaiki Buff Fuel Tank*
- 15 - *Pump/Paip Air dan Komponen*
- 16 - *Motosikal*
- 17 - *Kenderaan Bawah 3 Ton (seperti Bas, Prime Mover Trailers, Low Loaders & Specialised Vehicle)*
- 18 - *Kenderaan Melebihi 3 Ton*
- 19 - *Lori Pelarik Tanah, Roller dan Forklift*
- 20 - *Kerja-kerja Khusus (Baik Pulih Injin) dan sebagainya*
- 21 - *Kerja-kerja Mengetuk dan Mengecat*
- 22 - *Alat Hawa Dingin Kenderaan*
- 23 - *Membaik Pulih Tempat Duduk/Kusyen dan Bumbung*
- \*88** - *Pelbagai*

### 02 Penyewaan dan Pengurusan

- 01 - *Pengangkutan Penumpang*
- 02 - *Jentera Berat/Kenderaan/Jentera*
- 03 - *Ruang Niaga/Pejabat*
- 04 - *Pengurusan Pameran/Pentas*
- 05 - *Ladang/Taman*
- 06 - *Tempat Letak Kereta*
- 07 - *Bot Tunda/Feri/Bot/Bot Malim*
- 08 - *P.A. System/Alat Muzik*
- 09 - *Mesin-mesin Pejabat*
- \*88** - *Pelbagai*

### 03 Pengawalan dan Pengawasan

- 01 - *Kawalan Serangga Perosak/Anti Termite Bangunan*
- 02 - *Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)*
- \*88** - *Pelbagai*

**04 Mencuci dan Membersih**

- 01 - *Mencuci Bangunan*
- 02 - *Membersih Kawasan*
- 03 - *Mengangkat Sampah*
- 04 - *Membersih Kenderaan*
- 05 - *Mencuci Kolam Renang*
- 06 - *Membersih Pantai*
- \*88 - *Pelbagai*

**05 Gunatenaga**

- 01 - *Kontrak Buruh*
- 02 - *Tenaga Pengajar*
- 03 - *Data Entry/Perisian*
- 04 - *Kerja Tuai dan Angkut*
- 05 - *Mengisar Padi*
- \*88 - *Pelbagai*

**06 Khidmat Udara**

- 01 - *Topografi*
- 02 - *Pembajaan/Pest Control*
- 03 - *Cloud Seeding*
- 04 - *Pemetaan*
- 05 - *Rondaan Udara*
- \*88 - *Pelbagai*

**07 Perfileman, Rakaman dan Fotografi**

- 01 - *Pengeluaran Filem-filem (Perlu Lesen FINAS)*
- 02 - *Rakaman*
- 03 - *Fotografi*
- 04 - *Audio Visual*
- \*88 - *Pelbagai*

**08 Pengindahan (Tidak Termasuk Pelanskapan dan Senitaman)**

- 01 - *Hiasan Dalaman*
- 02 - *Bangunan*
- 03 - *Hiasan Jalan/Kawasan*
- \*88 - *Pelbagai*

**09 Menjahit**

- 00 - *Menjahit*

**10 Percetakan (Dikhas Kepada Syarikat 100% Bumiputera)**

- 01 - *Pengatur Huruf (Type Setting)*
- 02 - *Pisah Warna (Colour Separation)*
- 03 - *Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar (Perlu Lesen KDN)*
- 04 - *Mencetak Fail, Kad Perniagaan dan Kad Ucapan (Perlu Lesen KDN)*
- 05 - *Mencetak Label, Poster, Pelekat dan Iron-On (Kertas) (Perlu Lesen KDN)*

- 06 - Mencetak Label, Poster dan Pelekat (Plastik) (Perlu Lesen KDN)
  - 07 - Mencetak Continuous Stationery Forms (Perlu Lesen KDN)
  - 08 - Mencetak Borang/Kertas Komputer (Perlu Lesen KDN)
  - 09 - Cetak Keselamatan (Perlu Lesen KDN)
  - 10 - Menjilid Kulit Lembut
  - 11 - Menjilid Kulit Keras
  - 12 - Varnishing
  - 13 - Laminating
- 11 Pengangkutan**
- 01 - Tuan Punya Kapal
  - 02 - Broker Perkapalan
  - 03 - Agen Perkapalan (Perlu Lesen Kastam)
  - 04 - Pengangkutan Lori
  - 05 - Agen Penghantaran (Perlu Lesen Kastam)
  - 06 - Pembungkusan
  - 07 - Agen Pengembaraan (Perlu Lesen Penggalakan Pelancongan Malaysia (MTPB) dan Khas Untuk 100% Bumiputera)
  - 08 - Penghantaran Dokumen
- 12 Insuran**
- 01 - Syarikat Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)
  - 02 - Broker Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)
- 13 Barang Lusoh**
- 01 - Membeli Barang Lusoh (Tidak Perlu Permit)
  - 02 - Membeli Barang Lusoh (Perlu Permit)
  - \*88** - Pelbagai
- 14 Membaik Pulih**
- 01 - Tayar
  - 02 - Bateri
  - 03 - Perabut
  - 04 - Barang Logam
  - 05 - Kasut
  - \*88** - Pelbagai
- 15 Pengiklanan**
- 01 - Media Elektronik (Tidak Termasuk Kerja-kerja Percetakan)
  - 02 - Media Cetak (Tidak Termasuk Kerja-Kerja Percetakan)
  - 03 - Bill Board
- 16 Perkhidmatan Kapal**
- 01 - Salvage Boat/Kapal
  - 02 - Pengurusan Pelabuhan
  - 03 - Malim Kapal
  - 04 - Stevedor
  - 05 - Telly Clerk
  - 06 - Mengikat dan Melepas Tali Kapal (Mooring)
  - 07 - Diving Service

- 08 - *Ship Chandling*
- 09 - *Ship Trimming*
- 10 - *Membina Tukun Tiruan*
- \*88** - *Pelbagai*

**17 Lain-lain Perkhidmatan**

- 01 - *Kodifikasi*
- 02 - *Perkhidmatan Radio*
- 03 - *Membekal Air*
- 04 - *Mengangkut Mayat*
- 05 - *Production Testing, Surface Well Testing and Wireline Services*
- 06 - *Perkhidmatan Fotostat/Faksimili*
- 07 - *Lesen/Pengenalan dan Pas Keselamatan Bersalut (Laminated Licence/ Certification & Security Pass)*
- 08 - *Dobi*
- 09 - *Pengauditan dan Persijilan*
- \*88** - *Pelbagai*

**Catatan:**

- \* Bidang pelbagai adalah bidang yang diberikan berdasarkan keperluan Jabatan dan ianya tidak ada di dalam kod bidang sedia ada.